

11 JUN 2004

Mahathir-Zimbabwe

DR M SEDIA DIDAKWA JIKA PEMBERIAN KAYU KEPADA MUGABE SATU KESALAHAN

PUTRAJAYA, 11 Jun (Bernama) -- Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau bersedia untuk didakwa sekiranya pemberian kayu oleh Malaysia kepada

Presiden Zimbabwe Robert Mugabe dianggap sebagai satu kesalahan.

Bekas Perdana Menteri itu berkata ia merupakan satu pemberian hadiah

yang menjadi amalan biasa di kalangan pemimpin-pemimpin negara.

"Tapi kalau ini dianggap sebagai salah, saya bersedia untuk didakwa

kerana menyalahguna kuasa. Itu tak jadi masalah kepada saya... Saya tidak

menganggap diri saya kebal daripada undang-undang negara ini,"

katanya pada

sidang berita di sini untuk menjelaskan isu berkenaan.

Dr Mahathir berkata beliau tidak melihat sendiri apa yang dihantar

kepada Mugabe, tetapi pada pendapatnya apa yang dihantar itu adalah dalam

bentuk kayu gergaji dan bukanlah balak seperti yang dilaporkan sesetengah

media.

Mugabe semasa satu temubual dengan stesen televisyen Sky News di Britain pada bulan lepas mendakwa menerima kayu daripada Dr Mahathir untuk

membina mahligai bernilai RM34 juta di pinggir Harare, ibu negara Zimbabwe,

yang kini menjadi kontroversi di negara itu.

Ditanya sama ada beliau susah hati kerana isu itu digembar-gemburkan,

katanya: "Tidak. Saya hanya mahu menjelaskan laporan berita. Saya tidak

pernah berkata ia tidak diberikan. Tetapi dalam keadaan mana ia diberikan.

"Ia tidak diberikan secara peribadi oleh saya kepada Mugabe menggunakan

wang kerajaan. Pemberian itu bukan berbentuk peribadi. Kita bagi kepada

presiden, kalau dia bukan presiden, kita tak bagilah. Kerajaan Malaysia

bagi cenderamata atas nama jawatannya," kata beliau.

Dr Mahathir berkata Perdana Menteri berhak untuk memberikan hadiah

kepada ketua-ketua kerajaan asing dan rakan sejawatannya, dan beliau sendiri pernah menerima pelbagai cenderamata daripada mereka.

"Saya pergi manapun bawa buah tangan, sama seperti pemimpin lain

yang datang ke Malaysia. Kalau ada umpamanya persidangan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), rumah saya penuh dengan cendermata. Orang bagi kepada kita, takkanlah kita tak bagi kepada orang pula," katanya.

Dr Mahathir berkata hadiah yang diterimanya daripada pemimpin kerajaan lain kini disimpan di pelbagai lokasi seperti Langkawi, Putrajaya dan di rumahnya sendiri.

Dr Mahathir berkata kerajaan Malaysia tidak menyoal bagaimanakah hadiah yang diberikan kepada pemimpin negara lain akan digunakan.

Beliau berkata: "Kita bagi macam-macam kepada Presiden dan Perdana Menteri lain termasuk yang sekarang ini dianggap sebagai diktator, korup dan sebagainya. Kita tak soallah apakah dia ini baik atau tak baik, lima tahun lagi dia nak jadi korup ataupun tidak.

"Kita tidaklah menghantar orang untuk menyelidik sama ada dalam lima tahun, atau 10 tahun lagi, orang ini akan jadi orang jahat, kita tak boleh nak ramal apa yang dia nak buat.

"Kalau dia buat benda yang tak baik, bukan bermakna keputusan kita untuk memberi hadiah itu salah. Namun demikian kalau dianggap salah, saya bertanggungjawablah terhadap kesalahan penyalahgunaan kuasa," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan Malaysia ada menghadiahkan kayu kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan Unesco dan banyak pihak lain kerana menganggap ia juga satu cara mempromosi kayu keluaran negara.

Ditanya berapakah nilai pemberian kayu itu, Dr Mahathir berkata ia tidakpun mencecah RM100,000 dan mungkin digunakan sebagai kemasan dinding (panelling).

Mengenai laporan pembinaan kediaman Mugabe yang didakwa mencecah RM34 juta, beliau menyifatkannya sebagai propaganda British yang benci kepada Mugabe kerana mengambil tanah milik orang kulit putih.

Menjawab satu pertanyaan, bekas Perdana Menteri itu berkata beliau telah menjangkakan usaha pihak tertentu untuk memburuk-burukkan nama baiknya.

Mengenai tindakan Ketua Pembangkang Lim Kit Siang mempertikaikan

perisytiharan Malaysia sebagai negara Islam dan pelantikan ketua kerajaan hanya daripada kalangan orang Islam, Dr Mahathir mahu Lim memperincikan apa takrifannya akan sebuah negara Islam.

Ini kerana banyak negara lain yang "kurang Islam daripada kita pun" dianggap sebagai negara Islam, termasuk sesetengah anggota OIC.

"Jadi saya tak nampak di mana salahnya mengisytihar negara Malaysia ini adalah negara Islam," kata Dr Mahathir yang mengisytiharkan Malaysia sebuah negara Islam pada tahun 2001,

Menurutnya lagi: "Kita tidak mendakwa bahawa kita adalah negara sekular. Kita terima Islam sebagai agama rasmi tetapi ini tidak bermakna semua rakyat Malaysia mesti menganut agama Islam."

Selain itu, beliau berkata ada negara lain yang mensyaratkan presiden atau pemimpin mereka mestilah menjadi penganut agama tertentu.

"Ini perkara biasa di negara lain. Di Malaysia, walaupun tak ada syarat, oleh kerana majoriti rakyat Malaysia beragama Islam, maka ada jawatan tinggi yang dipegang oleh orang beragama Islam. Itu sahaja," kata Dr Mahathir.

Sementara itu Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak yang diminta mengulas mengenai isu pemberian kayu kepada Presiden Zimbabwe itu berkata: " Saya pasti ia dibuat dengan niat baik kerana kita juga mahu jalin hubungan dengan negara-negara Afrika."

Katanya, mungkin pada masa itu keputusan untuk memberikan kayu itu dibuat "atas pertimbangan tertentu" dan usaha dibuat untuk menghantar kayu itu.

"Tiada apa yang tidak sah mengenainya" dan menambah kata "perkara itu tidak perlu dijadikan isu besar."

-- BERNAMA

MAM HK PR